

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

**Menteri** Luar Negeri Indonesia, Soebandrio, apabila singgah di sini telah menuduh akhbar-akhbar Inggeris tempatan sebagai “anti kerajaan Indonesia” dan kerana itu ia mengugut akan “memboikot” Singapura sebagai pelabuhan bebas kerana katanya kesejahteraan perniagaan Singapura bergantung kepada Indonesia. Pihak Straits Times telah menjawab dengan mengatakan bahawa Empress Fleece (maksudnya jabatan kerajaan Singapura) tidak menguasai sisil seteri (ertinya penerbitan-penerbitan akhbar Singapura). Ia mengulas mengatakan lain di Indonesia - Mochtar Lubis pengarang Indonesia ditahan dan dikurung di dalam rumah berbulan-bulan lamanya kerana ia berani mengeluarkan berita tentang makan suap di Indonesia dan membentasi Sukarno kerana langkah-langkahnya merugikan negara dengan bukti-bukti yang terang.

Ini benar bahkan bukan itu sahaja; Akhbar Harian Indonesia Raya pun ditahan kerana menyebut berulang-ulang tentang ketua pengarangnya ditahan. Dengan keterangan-keterangan ini jelas: Adakah kerana di Indonesia Soebandrio biasa melihat satu demi satu suara dan kebebasan akhbar ditutup mulut mereka dan berpuluh-puluh akhbar-akhbar yang ditahan penerbitannya lalu hendak menutup pula kebebasan akhbar dilain tempat dengan ugutan-ugutan? Terlalu, Bung!

\* \* \*

Daripada apa yang ternyata di atas ini sudah terang apa yang selalu ditulis di dalam “Qalam” ini oleh wakilnya di Indonesia itu rupanya benar! Rupanya benar di Indonesia sekarang berperintahan “diktator”. Buktinya terang

bagaimana akhbar-akhbar di sana ditutup mulutnya - ditahan pengeluarannya, bahkan orang yang berjihad kerana menghapuskan makan suap, menghapuskan kesusahsuaan rakyat - ditahan dan dikurung seperti Mochtar Lubis. Tidak salahnya kalau orang bertanya: Di mana ada sebuah negara yang mengaku berdasarkan demokrasi yang menutup mulut orang?

\* \* \*

Majalah “Qalam” diharamkan di Sumatera Utara - sekian kata berita U.P., A.P. dan Reuter. Hal ini sememangnya telah disangka oleh orang ramai yang mengikuti perjalanan “Qalam” kerana majalah Qalam adalah menghadapi sesiapa jua pun yang anti-agama terutamanya jika yang demikian itu terbit daripada pemimpin-pemimpin yang mengaku dirinya Islam. “Qalam” tidak pernah memburukkan umat Islam Indonesia yang berpegang teguh kepada dasar-dasar agamanya dan “Qalam” adalah sentiasa akan berdiri menegakkan kemuliaan Islam. Langkah-langkah yang dijalkannya bukannya kerana mengikut perasaan hati tetapi ia mengikut perintah Tuhan yang mewajibkan tiap-tiap pemeluknya menegakkan hukum-hukum Islam, berani menegakkan yang hak dan meruntuhkan yang batil. Orang Islam mesti tegas perdiriannya tidak mahu dipermain-mainkan oleh pemimpin-pemimpinnya yang melakukan penzinaan, minum dan makan suap; dan yang lebih besar sekali mereka berkata beriman dan sekali mereka menentang hukum Tuhan!

\* \* \*

Benarkah atau tidak tuduhan penulis “Qalam” tentang diri Sukarno yang dikatakannya bolehlah dihukumkan

orang yang murtad dahulu? Cubalah pembaca-pembaca perhatikan apa kata Sukarno bahru-baharu ini di dalam pidatonya mempertahankan Komunis: “Kalau ada orang Islam atau ada orang yang beragama, melarang Komunisme pantas pulalah ia keluar dari bumi Indonesia!” Orang Islam yang memandang Komunis itu kafir, yang telah difatwakan oleh kongres-kongres ulama beberapa kali di Indonesia, orang-orang Islam yang menjadi tulang belakang negara Indonesia, disuruh oleh Sukarno keluar dari Indonesia? Terlalu!

Apa kata umat Islam di Indonesia sekarang? Adakah mereka yang menjadi tulang punggung Islam di Indonesia tidak sanggup mengeluarkan seorang yang berani mengatakan umat Islam mesti keluar dari Indonesia tatkala mereka menjalankan jihad untuk menegakkan negara Islam yang diperintahkan Tuhan mesti tegakkannya dengan halangan-halangan oleh beberapa gelintir manusia menapak seperti yang bercakap itu?

\* \* \*  
Penuntut-penuntut sekolah-sekolah Cina di Pinang, dan disambut di Kuala Lumpur oleh penuntut-penuntut Cina juga telah mengadakan perarakan sebagai bantahan kepada kementerian pelajaran tentang had umur kanak-kanak. Mereka mengadakan perarakan dan akhirnya mengadakan perlawanan dengan kekuasaan negara. Hal ini hendaklah diperhatikan oleh pemimpin-pemimpin Melayu di Persekutuan Tanah Melayu terutamanya kalau didapati ada anasir-anasir yang berdiri di belakangnya.

\* \* \*  
Banyak orang tertanya-tanya tentang bagaimana kelak suara UMNO (Melayu) di dalam Perikatan apabila suara wakil-wakil di dalam pertubuhan Perikatan yang didaftarkan itu 16 Melayu, 16 Cina dan 8 India? Sebaik-baiknya hal ini supaya tidak membimbangkan orang Melayu UMNO memberi kenyataan rasmi di dalamnya sebab kalau dijalankan sifat demokrasi maka kalau

India dan Cina bersatu mereka akan menang suara - kalau mereka menang suara apa hal kita orang Melayu?

\* \* \*  
Tiga parti politik yang terbesar di Singapura, Petir, Labour Front dan Liberal Sosialis telah sepakat: tidak ada ertinya perceraian Singapura dengan Persekutuan jika mahu merdeka. Dahulu rencana tidak akan dicantumkan persekutuan dengan Singapura adalah terbit daripada kehendak-kehendak UMNO kerana mengikut UMNO masa itu kkuatir kepada bangsa asing yang banyak di Singapura ini. Tetapi kerana sekarang masing-masing telah “membuka pintunya” dengan luas maka perceraian ini memang benar tidak ada ertinya kerana dengan sendirinya yang dahulu dikatakan “anak-anak dagang” di Persekutuan itu haknya sudah sama sahaja seperti di Singapura; dan kedudukan orang Melayu di sana pun “lebih kurang” juga.

\* \* \*  
Untuk menambahkan lagi derma mendirikan rumah “Taman Pelajaran Wanita Islam” Singapura suatu pertunjukkan “Malam Seni Dan Aneka Warna” akan diadakan pada tiga 3 dan 4 Januari tahun hadapan. Pertunjukkan ini akan dianjurkan oleh “Wanita-wanita Islam Singapura”. Di dalam pertunjukkan itu akan “dipertunjukkan” tarian Melayu asli dan peraduan-peraduan pakaian pengantin cara barat dan timur dan sebagainya. Demikianlah diberitakan. Dahulu, pada zaman sebelum perang, sport perempuan telah mengempar dan tidakkah ini akan lebih mengemparkan kerana ia dianjurkan oleh jawatankuasa “Taman Pelajaran Islam” yang ertinya hendak mengadakan pendidikan Islam? Sebelum mendidik anak-anak dengan Islam maka orang-orang tentunya akan bertanya: Bagaimana kedudukan yang hendak mengajarkan pendidikan cara Islam itu? Inilah pertanyaan yang ditimbulkan orang daripadanya. Adakah ini ada orang menganjurkan kau mahu

begini buat sahaja “Taman Pendidikan Wanita” dengan tidak disebut Islam - kan kata mereka lebih baik! Adakah akan diteladani pula nanti oleh kaum ibu Jamiah?

\* \* \*

Guru-guru Melayu Perak telah menuntut Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu supaya jangan menggunakan buku-buku yang bertajuk “Buku Pelajaran Kebangsaan” kerana nahu buku itu tidak sesuai dengan Bahasa Melayu. Encik Aminudin Baki di dalam tulisannya telah menyelar buku-buku yang serupa itu, buku-buku yang telah using yang tidak sesuai lagi yang dikarang oleh “Ahli Pelajaran Penjajah” semenjak tiga puluh tahun dahulu - terus tetap dipakai kerana “muslihat” bangsa mereka itu. Pada masa dahulu “tercium bau pun tidak”

kalah buku-buku diusahakan oleh anak negeri sekalipun buku itu tinggi melangit nahunya. Pernah juga buku yang dikarang oleh orang Melayu disetujui digunakan di sekolah-sekolah tetapi kerana tidak mahu dicap di England - ditolak. Ini semuanya patut diperhatikan oleh bangsa Melayu yang merdeka sekarang! Hargakan usaha dan kebolehan bangsa sendiri lebih tepat daripada mengikuti cara-cara penjajahan dahulu yang senantiasa hendak membolot sahaja segala usaha-usaha yang dijalankan oleh pejabat pelajaran. Sistem ini mudah-mudahan tidak berlaku lagi. Kalau berlaku juga lebih baik tidak merdeka - kata setengah orang. Mudah-mudahan menteri pelajaran akan memerhatikan hal yang lalu kemudian membandingkannya.



Sebahagian dari pelajar-pelajar Qismu Al Sanawi Madrasah Al Nahdah, Bukit Besar, Alor Setar Kedah.